

Dialog pendidik dengan Pak Lah

28 AUG 2001

Oleh SALINA IBRAHIM

KUALA LUMPUR 27 Ogos – Isu kelemahan pelajar Melayu sehingga menjadi agenda utama dialog tertutup antara warga pendidik berketurunan Melayu dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, hari ini.

Sumber memberitahu *Utusan*, pertemuan tersebut membabitkan kira-kira 300 orang, yang antaranya adalah pengarah-pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), naib-naib canselor institusi pengajian tinggi awam (IPTA), para pegawai tadbir dan diplomatik (PTD), wakil-wakil kesatuan perguruan dan para pemikir Melayu.

“Ia bertujuan untuk memperkasakan pendidikan golongan Melayu,” kata sumber berkenaan.

Utusan difahamkan juga bahawa pertemuan dan dialog tersebut adalah lanjutan penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pelaksanaan meritokrasi yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 8 Ogos lalu.

Bagaimanapun, pertemuan kali ini hanya melibatkan mereka yang terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam dunia pendidikan.

Sumber memberitahu, antara yang dibincangkan termasuklah isu kelemahan sekolah kebangsaan (SK), pencapaian pelajar Melayu, kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta moral.

Katanya, sesi dialog tersebut diadakan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat pelajar Melayu bagi tujuan memperbaiki prestasi akademik mereka secara keseluruhan.

Selain itu, pada sesi dialog itu juga, mereka turut diperielaskan mengenai meritokrasi secara lebih mendalam.

“Walaupun ia ibarat membuka pekung di dada sendiri tetapi dialog tersebut perlu untuk mengenal pasti apa yang berlaku kepada orang Melayu supaya dapat dibaiki bersama,” kata sumber itu.